

LATIHAN ULANGKAJI PENDIDIKAN KESIHATAN TAHUN 5

ARAHAN: ISIKAN TEMPAT KOSONG DI BAWAH BERDASARKAN MAKLUMAT
DALAM BUKU TEKS PENDIDIKAN KESIHATAN PADA MUKA SURAT 80.

B PENYALAHGUNAAN BAHAN

Bahan Inhalan

Zamri dan Ah Kau sedang membaca risalah tentang penyalahgunaan bahan inhalan. Mereka ingin mengetahui bahan inhalan dan penyalahgunaannya dalam kalangan remaja.

Bahan inhalan mengandungi bahan yang boleh disedut menerusi pernafasan dan menyebabkan kesan psikoaktif, seperti keclaruan minda dan memusnahkan sel otak.

Sumber: www.myhealth.gov.my (capaian pada Ogos 2020)



CONTOH
BAHAN INHALAN



PENGUKUHAN

Berikan contoh lain bahan inhalan.



Penyalahgunaan bahan inhalan boleh memberikan kesan jangka seperti tidak mampu berfikir dengan waras dan logik, keletihan, pelupa, kekurangan berat badan, gangguan emosi dan membawa kepada penggunaan dadah yang lebih berbahaya. Penyalahgunaan bahan inhalan juga boleh dikaitkan dengan secara tiba-tiba akibat kesukaran bernafas dan kemalangan disebabkan khayal.

Sumber: www.myhealth.gov.my (capaian pada Ogos 2020)



Jawab latihan di bawah berdasarkan maklumat di atas:

Soalan 1: Tandakan YA bagi bahan inhalan, dan BUKAN bagi bahan bukan inhalan.

PERISA MINUMAN

YA / BUKAN

PENANGGAL CAT

YA / BUKAN

PENCAIR CAT

YA / BUKAN

MINYAK MASAK

YA / BUKAN

PEN PENANDA

YA / BUKAN

PETROL

YA / BUKAN

PENSEL WARNA

YA / BUKAN

SYELEK

YA / BUKAN

GAM KASUT

YA / BUKAN

GAM KERTAS

YA / BUKAN

Soalan 2: Lengkapkan Peta Dakap di bawah berdasarkan maklumat kesan jangka panjang bahan inhalan.

KESAN JANGKA
PANJANG
PENGAMBILAN
BAHAN INHALAN